

'Rezeki anak bakal lahir'

Bakal ibu tak sangka terima anugerah pelajar terbaik

>>Oleh Mohd Hafizee

Mohd Arop

hafizee@hmetro.com.my

SERDANG: "Kejayaan yang saya peroleh ini memang tidak diduga kerana saya rasakan lebih ramai pelajar yang lebih bijak di kolej ini dan anugerah ini mungkin tuah serta rezeki anak yang bakal saya lahirkan," kata Pelajar Terbaik Akademik Ijazah dari Kolej Teknologi Bestari, Zuraini Said, 25.

Zuraini diumumkan sebagai pelajar terbaik dalam Majlis Konvokesyen Ke-14 Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 2012 memabitkan enam kolej yang disampaikan Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohdi.

Seramai 334 pelajar daripada kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Shahputra, Kolej Teknologi Timur, Kolej Risda Melaka dan Kolej Uniti diraikan dalam majlis itu, di sini, semalam.

Dua lagi pelajar yang turut menerima anugerah ialah Pelajar Terbaik Keseluruhan Diploma dari Kolej Teknologi Timur, Yulieana Asy-Syafieqah Yaacub, 21,



GEMBIRA...(dari kiri) Nur Jeehan, Zuraini dan Yulieana melihat anugerah yang diterima mereka.

dan Pelajar Terbaik Akademik Diploma dari Kolej Uniti, Nur Jeehan Md Nasir, 21.

Menurut Zuraini, dia tidak mempunyai perancangan untuk menyambung pelajarannya sebaliknya akan menumpukan sepenuhnya kepada perniagaan secara talian di rumah bagi memudahkannya mengurus rumah tangga.

Katanya, dia tidak menjadikan perkahwinan sebagai halangan untuknya berjaya dan suami serta ibu bapa sentiasa menjadi pendorong semangat sepanjang

pengajiannya di kolej.

Bagi Yulieana, kejayaan diperolehnya adalah hasil daripada tumpuan yang diberikan sepenuhnya ketika kuliah dan sentiasa memotivasikan diri agar dapat menyaingi rakan-rakannya yang lain.

"Cemburu penting dalam pelajaran namun bukan sehingga menjadi seorang yang kedekut ilmu. Saya sentiasa akan berkongsi nota serta maklumat dengan rakan-rakan dan kejayaan saya juga disebabkan hasil usaha bersama," katanya.